



Ruj Kami : UNIMEL/ KONVO/2025-27
Tarikh : 23 September 2025

Kepada:
Graduan 2025 ,
Universiti Islam Melaka

Saudara/Saudari,

JEMPUTAN KE ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI ISLAM MELAKA KE-27

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen Universiti Islam Melaka ke-27 akan diadakan pada **30 November 2025 (Ahad)** di **Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh Melaka**.
3. Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga Universiti Islam Melaka mengucapkan tahniah kepada Saudara/ Saudari kerana telah berjaya menamatkan pengajian dan memenuhi syarat serta keperluan pengijazahan mengikut program-program yang berkenaan di Universiti Islam Melaka.
4. Saudara/Saudari dijemput hadir untuk menerima penganugerahan ijazah/diploma masing-masing di Istiadat Konvokesyen tersebut mengikut tarikh, masa dan sidang sebagaimana yang telah ditetapkan di portal rasmi graduan.
5. Saudara/Saudari perlu memuat turun dan memahami makluman keterangan graduan untuk tindakan selanjutnya dan mengesahkan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen di *link google form* yang diberikan serta membuat bayaran yuran Konvokesyen.
6. Kad Undangan Istiadat Konvokesyen boleh didapatkan di kaunter fakulti masing-masing. Kad undangan ini **WAJIB** dibawa oleh ibu bapa Saudara/Saudari sebagai pas masuk ke dalam dewan Istiadat Konvokesyen.

7. Sebarang perubahan maklumat mengenai Istiadat Konvokesyen akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui portal rasmi graduan.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"BERILMU, BERINTEGRITI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK TS. DR. ABDUL KHALIL SHAWKATALY)

Naib Canselor,

Universiti Islam Melaka